



**SIARAN MEDIA**  
**MAJLIS PENYERAHAN DERMA TABUNG KEMANUSIAAN BENCANA SULAWESI**  
**DARIPADA PERSATUAN MASYARAKAT INDONESIA (PERMAI)**

---

**Bandar Seri Begawan, Rabu, 17 Oktober 2018** – Jabatan Pembangunan Masyarakat selaku Urus Setia Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) menerima sumbangan derma sejumlah \$1,500.00 daripada Persatuan Masyarakat Indonesia (PERMAI) untuk tabung berkenaan petang ini di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sumbangan tersebut diserahkan oleh Yang Mulia Awang Muhd Hanafi Rustam selaku Yang Di-Pertua Persatuan Masyarakat Indonesia (PERMAI) kepada Yang Mulia Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Mohd Tahir, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi. Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan tersebut ialah pegawai-pegawai kanan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan derma berbentuk kewangan boleh berbuat demikian melalui tabung-tabung yang disediakan di masjid-masjid dan surau-sarau; bangunan bank-bank; gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara.

Derma juga boleh dihantar secara *online* melalui akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), akaun nombor 00-001-01-0076007 atau dihantar terus kepada pihak Urus Setia Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Kebangsaan pada waktu pejabat.

Sumbangan juga boleh dihantar melalui perkhidmatan SMS dengan menaip BANTU (tanpa jarak) diikuti dengan jumlah 1, 5, 10, 15 atau 20 dan hantar ke talian 38111 bagi pelanggan DST dan pelanggan PCSB. Perkhidmatan SMS ini akan berakhir pada **22 November 2018**.

Bagi mana-mana pihak yang berhasrat untuk menyediakan peti tabung bagi mengadakan kutipan amal, boleh mendapatkan pekat khas dari pihak Urus Setia Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) pada waktu pejabat.

Bagi sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, boleh menghubungi pihak Urus Setia Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi di talian 2381903 ext 1341/1242 atau emel melalui [pr.japem@gmail.com](mailto:pr.japem@gmail.com)

Tempoh kutipan derma: **9 Oktober 2018 hingga 6 Januari 2019 (3 bulan)**.

##Tamat##

---

*Dikeluarkan Oleh:*  
Unit Perhubungan Awam  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam  
Tarikh: 8 Safar 1440 / 17 Oktober 2018